

Jabatan Perkhidmatan Awam,  
Malaysia,  
Tingkat 9-14 Bangunan UMBC.  
Jalan Sulaiman,  
Kuala Lumpur.

30hb. Disember, 1974.

Tuan,

## **SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 20 TAHUN 1974**

### **Peperiksaan-Peperiksaan bagi Pegawai Kerani Dalam Percubaan**

Seperti yang telah sedia termaklum Pegawai-Pegawai Kerani adalah dikehendaki lulus Peperiksaan Perkhidmatan Pertama bagi Pegawai Kerani sebelum tamat tempuh percubaan. Peperiksaan ini adalah merupakan salah satu syarat bagi maksud pengesahan dalam jawatan.

2. Dalam perkara yang dinyatakan di atas, Jabatan Perkhidmatan Awam seringkali menerima rayuan-rayuan daripada Pegawai-pegawai Kerani terutamanya Kerani-kerani Sementara yang telah diserapkan sebagai Pegawai-pegawai Kerani mengenai kesulitan-kesulitan ini mereka untuk lulus peperiksaan yang dimaksudkan diatas. Kesulitan ini timbul disebabkan oleh umur mereka yang lanjut dan dengan ini mereka mendapati sukar bagi melengkapkan diri untuk menghadapi peperiksaan yang berkenaan.

3. Jabatan ini telah menimbangkan perkara di atas dan adalah diputuskan bahawa:-

- 3.1 Pegawai-pegawai Kerani yang berumur 45 tahun dan ke atas pada 15hb. Ogos, 1974 akan di kecualikan daripada Peperiksaan Perkhidmatan Pertama bagi Pegawai Kerani.
- 3.2 Pegawai-pegawai Kerani yang berumur 30 tahun ke atas tetapi di bawah umur 45 tahun pada 15 hb. Ogos, 1974 akan terus dikehendaki mengambil pepereksaan tersebut tetapi dalam hal ini pertimbangan khas akan diberi untuk melonggarkan markah lulus bagi mereka. Perlonggaran markah lulus ini akan ditetapkan dari semasa kesemasa ,mengikut budi bicara Lembaga Peperiksaan Kerani, Jabatan Perkhidmatan Awam.
- 3.3 Pegawai-pegawai Kerani yang berumur di bawah 30 tahun pada 15 hb. Ogos, 1974 tidak akan di beri sebarang kelonggaran.

4. Adalah dimaklumkan bahawa keputusan-keputusan yang tersebut di perengga 3 di atas adalah dikuatkuasakan mulai 15hb. Ogos, 1974 untuk tempuh selama 5 tahun sahaja, dan tertakluk kepada syarat-syarat berikut :-

- 4.1 Pegawai-pegawai yang tergulung dalam perenggan 3.1. akan

terus dikehendaki mengambil Peperiksaan Perkhidmatan Kedua bagi maksud kemajuan seterusnya dalam perkhidmatan.

- 4.2 Pegawai-pegawai di perenggan 3.2. yang akan mencapai umur 45 tahun selepas 15hb. Ogos, 1974 tidak akan diberi pengecualian sebagaimana yang diberi kepada Pegawai-pegawai di perenggan 3.1. di atas. Setelah lulus peperiksaan Perkhidmatan Pertama mereka, seperti biasa, akan dikehendaki lulus Peperiksaan Perkhidmatan Kedua bagi maksud kemajuan seterusnya dalam perkhidmatan.
- 4.3 Pegawai di perenggan 3.3. tidak akan diberi perlonggaran markah lulus dalam peperiksaan mereka, sungguhpun mereka telah mencapai umur 30 tahun.

5. Bersama-sama ini dikembarkan [Lampiran 'A'](#) dan [Lampiran 'A1'](#) iaitu contoh borang-borang yang dikehendaki dipenuhi oleh calon-calon apabila mereka memohon untuk menduduki peperiksaan yang berkenaan. [Lampiran'A'](#) adalah khas untuk dipenuhi oleh calon-calon yang berumur di bawah 30 tahun pada 15hb. Ogos, 1974 dan borang A1 adalah khas untuk dipenuhi oleh calon-calon yang berumur 30 tahun ke atas pada 15hb. Ogos, 1974.

Saya yang menurut perintah,

(ABDUL RAHMAN BIN HAJI AHMAD)  
Bahagian Perjawatan,  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia).

s.k. Ketua-ketua Setiausaha Kementerian,

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan,

Setiausaha,

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,

Kuala Lumpur.

Y.B. Setiausaha -setiausaha Kerajaan Negeri  
(Malaysia Barat).

**Borang Permohonan Untuk Memasuki Peperiksaan Kerani Am  
Dalam Percubaan dan bagi Pegawai-Pegawai yang wajib  
melulusinya mengikut syarat perkhidmatan mereka**

**Borang Khas Untuk Dipenuhi Oleh Calon-calun  
Yang Berumur Di Bawah 30 Tahun Pada 15hb. Ogos, 1974.**

1 Negeri. Pusat Peperiksaan  
.....  
.....

2 Nama:.....  
.....

(Dengan huruf besar)

3 Jawatan:.....  
.....

\*Kerani Persekutuan/\*Kerani Negeri

4. Tarikh Lahir Umur pada 15 hb. Ogos, 1974  
.....

5 Tarikh Perlantikan:  
.....  
.....

6 Jabatan dan Alamat pejabat:  
.....  
.....  
.....

7. Samada Wajib Lulus Peperiksaan ini:

YA	TIDAK
----	-------

8. Bahagian-bahagian yang hendak diambil:

<u>Bahagian II</u>	
Kertas I	Arahan Perkhidmatan
Kertas ii	Peraturan Kewangan Permulaan

Tarikh.....

.....

Tanda tangan Pemohon

Saya akui bahawa keterangan-keterangan di atas telah disemak dan didapati betul. Pegawai ini diwajibkan mengambil Peperiksaan Kerani Dalam Percubaan.

Tarikh.....

.....

Tanda - tangan Ketua Jabatan

\*Sila potong mana-mana perkara yang tidak dikehendaki.

PERMOHONAN-PERMOHONAN YANG LEWAT DITERIMA DAN PERMOHONAN-PERMOHONAN DARIPADA PEGAWAI-PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK MEMASUKI PEPERIKSAAN INI TIDAK AKAN DILAYAN.

Cuma satu salinan borang permohonan sahaja dikehendaki dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam.

**Borang Permohonan Untuk Memasuki Peperiksaan Kerani Am****Dalam Percubaan dan bagi Pegawai-Pegawai yang wajib****melulusinya mengikut syarat perkhidmatan mereka****Borang Khas Untuk Dipenuhi Oleh Calun-calun****Yang Berumur Di Bawah 30 Tahun Pada 15hb. Ogos, 1974.**

1. Negeri. .... Pusat Peperiksaan .....

.....

2 Nama:.....

.....

(Dengan huruf besar)

3 Jawatan:.....

.....

\*Kerani Persekutuan/\*Kerani Negeri

4. Tarikh Lahir ..... Umur pada 15 hb. Ogos, 1974 .....

5 Tarikh  
Perlantikan:.....

.....

6 Jabata .....  
n dan .....  
Alamat .....  
pejaba .....  
t:

7. Samada Wajib Lulus Peperiksaan  
ini:

YA	TIDAK
----	-------

8. Bahagian-bahagian yang hendak diambil:

Bahagian II	
Kertas I	Arahan Perkhidmatan
Kertas ii	Peraturan Kewangan Permulaan

Tarikh.....

Tanda tangan Pemohon

Saya akui bahawa keterangan-keterangan di atas telah disemak dan didapati betul. Pegawai ini diwajibkan mengambil Peperiksaan Kerani Dalam Percubaan.

Tarikh.....

.....

Tanda - tangan Pemohon

\*Sila potong mana-mana perkara yang tidak dikehendaki.

PERMOHONAN-PERMOHONAN YANG LEWAT DITERIMA DAN PERMOHONAN-PERMOHONAN  
DARIPADA PEGAWAI-PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK MEMASUKI PEPERIKSAAN INI TIDAK  
AKAN DILAYAN.

Cuma satu salinan borang permohonan sahaja dikehendaki dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam.